



**AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN
NATIONAL ANTI-DRUGS AGENCY**

Kementerian Dalam Negeri
Ministry of Home Affairs
Jalan Maktab Perguruan Islam
43000 KAJANG
SELANGOR, MALAYSIA



Tel : 603-8911 2200
Faks (Fax) : 603-8926 2055
Laman Web (Web) : www.adk.gov.my

Rujukan Kami : ADK(S) 10/2/8-3 Jld. 6 (63)

Tarikh : 3 Julai 2018

Semua Pengarah Bahagian

Pengarah Pusat Latihan AADK (PLAK)

Semua Pengarah AADK Negeri

Semua Pengarah Klinik C&C / CCRC / CCVC

Tuan / Puan,

**PERINGATAN MESRA PERMOHONAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN
PERKHIDMATAN SUBJEK JABATAN (PPSJ) SIRI 2/2018**

Dengan segala hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan **online** menduduki **Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan (PPSJ) Siri 2/2018** bagi Skim Perkhidmatan Antidadah Gred S19, S29 dan S41 boleh dibuat melalui **Sistem e-Peperiksaan (<http://aplikasi.adk.gov.my/uppk/>)** mulai **02 Julai 2018 (Isnin)**. Semua permohonan hendaklah dikemukakan secara atas talian sahaja.

3. Sehubungan dengan itu tuan/puan sebagai Pegawai Penyelia hendaklah memaklumkan pegawai di bawah seliaan masing untuk mengemukakan permohonan peperiksaan ini **sebelum tarikh tutup permohonan pada 01 Ogos 2018 (Rabu)**.

4. Peperiksaan yang dijalankan merupakan salah satu syarat untuk pengesahan perkhidmatan bagi pegawai lantikan baru selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa. **Tarikh peperiksaan ini adalah pada 26 September 2018 (Rabu)**.

5. Untuk makluman tuan/puan bagi pegawai baru dilantik ke Gred S41 dari gred lantikan S29/ S32/ S38 atau dari skim perkhidmatan berlainan ke gred S41, permohonan pengecualian menduduki Peperiksaan Undang-Undang Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) hendaklah dikemukakan terus ke Jabatan Perkhidmatan Awam melalui PTJ masing-masing. Tuan/puan juga diingatkan pengecualian ini **tidak digunapakai** bagi Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Agensi Antidadah Kebangsaan di bawah Lembaga Peperiksaan Kementerian Dalam Negeri. Oleh itu, pegawai yang masih belum menduduki peperiksaan ini dikehendaki untuk berbuat demikian dalam tempoh 1-3 tahun sebagaimana peraturan skim lantikan tuan/puan berkuatkuasa.

MEMBASMI DADAH ADALAH TANGGUNGJAWAB KITA BERSAMA. MARILAH BERTINDAK SEGERA.
Eradicating Drug Abuse Is Our Collective Responsibility. Lets Act Now.



6. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini tuan/puan boleh menghubungi **Puan Rohayu binti Abdul Hamid (03-8911 2299); Puan Aisah binti Amat (03-8911 2291); Puan Suhaida binti Sulaiman (03-8911 2293)** atau emailkan ke exam@adk.gov.my .

7. Kerjasama tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian,

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KHIDMAT TANPA DADAH”**

Saya yang menurut perintah,



(SHAFIEZA BINTI MD. FADZIL)
b.p. Ketua Pengarah
Agensi Antidadah Kebangsaan
Kementerian Dalam Negeri

s.k.: YBhg. Dato' Dr. Ketua Pengarah

YBRS. TKP(P)

YBhg. Dato' TKP(O)